

PBB diminta benarkan tentera kita ke Lubnan

KUALA UJMPUR: Ketiadaan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Israel bukan alasan Tel Aviv membantah penyertaan tentera negara ini sebagai pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Lubnan.

Berikutan itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berharap PBB membenarkan tentera Malaysia menyertai misi itu.

"Jika tidak, penyertaan anggota tentera di sana tidak diwakili secara menyeluruh... mungkin negara anggota Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) saja... tidak membabitkan negara lain, walhal tidak ada sebab kita tidak boleh mainkan peranan secara objektif dan secara baik mengikut garis panduan PBB.

"Kita ada rekod lampau di Bosnia-Herzegovina, Somalia dan Timor Leste," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perkhidmatan Awam ke-11 di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) Bukit Kiara di sini, semalam.

Pada 16 Ogos lalu, pegawai kanan Israel berkata, pihaknya memaklumkan kepada PBB mengenai bantahannya terhadap penyertaan Malaysia itu atas alasan Kuala Lumpur dan Tel Aviv tiada hubungan diplomatik.

Sehari kemudian, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Malaysia tetap menghantar tenteranya ke Lubnan walaupun dibantah Israel yang hanya boleh diputuskan Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan.

Najib yang juga Menteri Pertahanan menyifatkan tindakan Israel itu isu teknikal semata-mata.

Ketika ditanya mengenai kehadiran kapal pengangkut kuasa nuklear *USS Enterprise* di Pelabuhan Klang pada 17 Ogos lalu, Najib berkata, Selat Melaka tidak boleh ditutup kepada kapal seperti itu.

Najib juga berkata, perbezaan pandangan politik Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tidak menjejaskan Asean, sekadar masalah dalaman.

Beliau mengulas pandangan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong, bahawa pertubuhan 10 negara itu menghadapi kesukaran, termasuk "perbezaan pandangan politik" antara Dr Mahathir dan Abdullah, yang boleh memberi kesan kepada 'iklim Asean'.